

Mini Bajet 2009: Adakah Cahaya Di Hujung Jalan?



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IUM)
Asna Tax Services
Sdn Bhd
www.salihin.com.my



KEKALUTAN ekonomi dunia kini semakin dirasai. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menjangkakan dunia akan mengalami pertumbuhan ekonomi sebanyak 0.5 peratus pada tahun ini dan keadaan ini mungkin akan menjadi lebih teruk. Keadaan ini dizahirkan apabila media-media utama melaporkan syarikat-syarikat gergasi dunia seperti Toyota Motors, syarikat insuran AIG mengalami kerugian yang jumlahnya berbilion ringgit. Kadar pengangguran di Amerika Syarikat semakin meningkat dan telah mencapai 8.1 peratus dan peratusan ini semakin meningkat saban hari. Di Malaysia kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 5.7 peratus dan nilai eksport negara merundum kepada paras terendah semenjak krisis ekonomi 1997/1998. Petunjuk ini melahirkan

kerisauan dan kebimbangan mengenai kelembapan yang berterusan ekonomi dunia dan Malaysia amnya.

Menyedari keadaan yang kian meruncing dan kelembapan ekonomi yang tidak diketahui noktah akhirnya, pihak kerajaan telah mengumumkan bajet mini berjumlah RM60 bilion. Bajet Mini ini telah dibentangkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga selaku Menteri Kewangan.

Bajet Mini 2009 yang dibentangkan kali ini adalah unik. Pertama, ia adalah peruntukan yang terbesar dalam sejarah ekonomi Malaysia dan kedua, bajet mini ini menggabungkan inisiatif pihak kerajaan dan swasta. Sebanyak RM15 bilion diperuntukkan dalam bentuk pakej fiskal rangsangan tambahan. Ini merupakan tambahan kepada RM7 bilion pada pakej rangsangan yang pertama sebelum ini.

Selain daripada itu, RM29 bilion adalah dalam bentuk jaminan kerajaan. Pihak kerajaan telah meminta pihak bank untuk memberi pinjaman, sementara kerajaan bertindak sebagai penjamin. Ini adalah penting kerana dalam keadaan krisis ekonomi, aliran tunai menjadi masalah kepada para usahawan. Kesatuan di antara pihak kerajaan dan swasta ini diharap akan dapat memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia dan mengekang ekonomi negara daripada terjerumus kepada pertumbuhan negatif. Selebihnya daripada bajet diberi dalam bentuk pelaburan dan insentif cukai.


Dari segi percukaian ada beberapa langkah praktikal yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan beban pembayar cukai seterusnya merangsangkan ekonomi.

INSENTIF	SYARAT
<p>GALAKAN BAGI MENGGAJI PEKERJA TEMPATAN YANG DIBERHENTIKAN</p> <p>PENERANGAN: Majikan yang menggaji pekerja tersebut diberi potongan dua kali ke atas perbelanjaan saraan yang dilakukan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> Pekerja yang digaji hendaklah warganegara Malaysia dan pemastautin yang telah diberhentikan kerja mulai 1 Julai 2008; Penamatan penggajiannya telah didaftarkan dengan Ketua Pengarah Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia. Pekerja yang diberhentikan termasuk yang diberhentikan di bawah Skim Pemisahan Sukarela atau Skim Pemisahan Persetujuan Bersama; Penggajian pekerja adalah secara sepenuh masa; Perbelanjaan saraan yang layak bagi tujuan potongan dua kali adalah tidak melebihi RM10,000 sebulan bagi setiap pekerja dan terhad kepada tempoh maksimum 12 bulan. Saraan adalah upah atau gaji dan elaun; dan Potongan ini layak bagi mana-mana pekerja yang dilantik antara 10 Mac 2009 dan 31 Disember 2010. <p>Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.</p>
<p>PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS PAMPASAN YANG DITERIMA ATAS KEHILANGAN PEKERJAAN</p>	<p>Pengecualian ini adalah termasuk mereka yang diberhentikan kerja di bawah Skim Pemisahan Sukarela atau Skim Pemisahan Persetujuan Bersama.</p> <p>Cadangan ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2008.</p>

<p>PENERANGAN: Amaun pampasan yang dikecualikan cukai ditingkatkan daripada RM6000 kepada RM10 000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan.</p>	
<p>GALAKAN KEPADA BANK UNTUK MENANGGUH BAYARAN BALIK PINJAMAN PERUMAHAN</p> <p>PENERANGAN: Pendapatan faedah yang ditanggungkan dikenakan cukai apabila pendapatan faedah tersebut diterima oleh institusi perbankan dan kewangan.</p>	<p>i. Pinjaman perumahan bagi tempoh sehingga 12 bulan diluluskan oleh institusi perbankan dan kewangan antara 10 Mac 2009 dan 9 Mac 2010;</p> <p>ii. Individu yang mengambil pinjaman perumahan adalah seorang warganegara Malaysia yang telah ditamatkan pengajian mulai 1 Julai 2008; dan</p> <p>iii. Institusi perbankan dan kewangan adalah institusi yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan mana-mana institusi yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.</p> <p>Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.</p>
<p>KERUGIAN TAHUN SEMASA DIBENARKAN DIBAWA KE BELAKANG</p> <p>PENERANGAN: Kerugian tahun semasa sehingga RM100 000 dibenarkan untuk dibawa ke belakang ke satu tahun taksiran sebelumnya.</p>	<p>Layanan cukai ini terpakai bagi semua perniagaan termasuk perniagaan tunggal dan perkongsian.</p> <p>Cadangan ini berkuatkuasa bagi tahun taksiran 2009 dan 2010.</p>
<p>MENGALAKKAN PELABURAN KE ATAS LOJI DAN JENTERA</p> <p>PENERANGAN: Elaun Modal Dipercepatkan diberi kepada semua perniagaan ke atas perbelanjaan yang dilakukan bagi semua loji dan jentera antara 10 Mac 2009 dan 31 Disember 2010.</p>	<p>Elaun ini layak dituntut sepenuhnya dalam tempoh 2 tahun.</p> <p>Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.</p>
<p>GALAKAN BAGI MENGUBAHSUAI DAN MEMBAIK PULIH PREMIS PERNIAGAAN</p> <p>PENERANGAN: Perbelanjaan ubahsuai dan baik pulih premis perniagaan oleh semua perniagaan yang dilakukan antara 10 Mac 2009 dan 31 Disember 2010 diberi Elaun Modal Dipercepatkan.</p>	<p>Amaun perbelanjaan yang layak adalah dihadkan sebanyak RM100 000 untuk tempoh dua tahun taksiran bagi setiap pembayar cukai.</p> <p>Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.</p>
<p>POTONGAN CUKAI KE ATAS FAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN</p> <p>PENERANGAN: Potongan sehingga RM10 000 setahun diberi ke atas faedah pinjaman perumahan bagi rumah yang dibeli daripada pemaju atau pihak ketiga.</p>	<p>i. Pembayar cukai adalah warganegara Malaysia dan pemastautin;</p> <p>ii. Terhad kepada sebuah rumah kediaman termasuk rumah pangsa, pangsapuri atau kondominium; dan</p> <p>iii. Perjanjian jual beli disempurnakan antara 10 Mac 2009 dan 31 Disember 2010.</p> <p>Potongan ini adalah bagi tempoh 3 tahun berturut-turut mulai tahun pertama faedah pinjaman perumahan tersebut dibayar.</p> <p>Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.</p>

Ringkasan

Secara keseluruhan, bajet mini yang dibentangkan adalah bertujuan mengurangkan impak kesan kelembapan ekonomi dunia terutamanya kepada pekerja yang diberhentikan dan akan diberhentikan kerja, seterusnya dapat meransangkan pertumbuhan ekonomi. Kepada pihak usahawan, kita boleh memainkan peranan dengan mengambil kemudahan dan

insentif cukai yang telah ditawarkan dalam bajet ini seperti mengambil pekerja yang diberhentikan. Bajet mini ini juga merupakan satu iltizam kerajaan untuk membantu para usahawan pada saat-saat sukar ini. Bajet ini sekaligus memberi harapan kepada para usahawan bahawasanya ketidakpastian yang melanda perniagaan dan ekonomi mereka akan berakhir satu hari nanti. 

PERCUMA!

KLINIK CUKAI

Walk-in Consultation (setiap Jumaat)

- 9.00 pagi – 12.00 tengahari
- 2.00 petang – 5.00 petang

atau email:

info@salihin.com.my (24 jam)

Sila hubungi untuk temujanji anda di talian 603 61874678

atau email kami sekarang!!

** Terletak kepada tema dan syarat